

| | | |
|---|---|--------------------|
| GARIS PANDUAN PENGEMUKAAN PELAN INFRASTRUKTUR BAGI KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN KERJA TANAH, JALAN DAN PERPARITAN | BAHAGIAN INFRASTRUKTUR & JALAN | INF : KM/RD |
|---|---|--------------------|

| BIL | PERKARA | | | | | | | | | | | | |
|------------|--|-----------|------------|-----------|---------|------------|---------|-----|-----------|------------|---------|-------|-----------|
| A | DOKUMEN YANG DIPERLUKAN | | | | | | | | | | | | |
| 1. | Ulasan dan pelan yang telah disahkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran.(Borang Annex A) | | | | | | | | | | | | |
| 2. | Ulasan dan pelan yang telah disahkan oleh Jabatan Kerja Raya. | | | | | | | | | | | | |
| 3. | Ulasan dan pelan yang telah disahkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains. | | | | | | | | | | | | |
| 4. | Ulasan dan pelan yang telah disahkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah. | | | | | | | | | | | | |
| 5. | Pelan JUPEM bagi rizab jalan sediada. | | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | | | |
| B | MAKLUMAT YANG DIPERLU DICATATKAN DI ATAS PELAN: | | | | | | | | | | | | |
| | Kerja tanah : | | | | | | | | | | | | |
| 1. | Pelan ukur hendaklah menyatakan parasan tanah dan butiran didalam lot pemohon dan lot-lot yang bersebelahan. | | | | | | | | | | | | |
| 2. | Aras cadangan hendaklah diselaraskan dengan parasan tanah di lot-lot bersempadan dengan yang telah dimajukan supaya rangkaian jalanraya bersambung dengan sempurna. | | | | | | | | | | | | |
| 3. | Pelan keratan melintang dan membujur termasuk lot yang bersebelahan termasuk paras cadangan dan paras sediada. | | | | | | | | | | | | |
| 4. | Semua kerja penambunan dan pemotongan tanah 1meter dalam atau tinggi hendaklah dilindungi dengan struktur penahan atau penstabilan cerun dan pembinaan cerun hendaklah didalam lot yang dimajukan (lot pemohon).Jika berada diluar daripada lot pemohon, surat kebenaran dari pemilik lot hendaklah dikemukakan. | | | | | | | | | | | | |
| 5. | Pembinaan cerun dan rizab cerun hendaklah diselaraskan dengan ulasan dan pelan yang disahkan oleh Jabatan Mineral & Sains. | | | | | | | | | | | | |
| 6. | Had ketinggian cerun hendaklah mengikut jadual : <table border="1" style="margin: 10px auto;"> <thead> <tr> <th>Huraian</th> <th>Ketinggian</th> <th>Kecerunan</th> <th>Tanggul</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pemotongan</td> <td>3 meter</td> <td>1:1</td> <td>1.5 meter</td> </tr> <tr> <td>Penambunan</td> <td>5 meter</td> <td>1:1.5</td> <td>1.5 meter</td> </tr> </tbody> </table> Perunding hendaklah memastikan cerun didalam lot pemohon dan dinyatakan dalam lukisan keratan. | Huraian | Ketinggian | Kecerunan | Tanggul | Pemotongan | 3 meter | 1:1 | 1.5 meter | Penambunan | 5 meter | 1:1.5 | 1.5 meter |
| Huraian | Ketinggian | Kecerunan | Tanggul | | | | | | | | | | |
| Pemotongan | 3 meter | 1:1 | 1.5 meter | | | | | | | | | | |
| Penambunan | 5 meter | 1:1.5 | 1.5 meter | | | | | | | | | | |
| 7. | Pembinaan perlindungan cerun hendaklah mengambil kira sistem saliran perparitan cerun yang mengandungi : <ol style="list-style-type: none"> i. Cut off ii. Berm drain iii. Toe Drain iv. Cascade Drain v. Sump | | | | | | | | | | | | |
| 8. | Bagi pembinaan cerun di dalam Kelas III dan Kelas IV, permohonan hendaklah dibuat secara berasingan oleh Perunding Pakar Bertauliah dengan Unit Cerun JKR. | | | | | | | | | | | | |
| 9. | Pelan butiran bagi perangkap mendapan (silt trap) dan laluan pembasuhan (wash through) | | | | | | | | | | | | |
| 10. | Pelan menunjukkan jalan sediada yang digunakan bagi tujuan jalan keluar/masuk ke tapak pembangunan bagi menjalankan kerja tanah. | | | | | | | | | | | | |
| 11. | Saluran keluar bagi perangkap mendapan hendaklah menggunakan "riser pipe" sebelum disalurkan ke longkang sediada. | | | | | | | | | | | | |
| 12. | Saluran keluar bagi laluan pembasuhan hendaklah melalui perangkap mendapan sebelum disalurkan ke longkang sediada. | | | | | | | | | | | | |
| 13. | Kerja-kerja penanaman rumput hendaklah dibuat kawasan lapang dan bercerun.Bagi perlindungan kekal, menanam rumput jenis 'Vetiver' adalah cara yang disyorkan. | | | | | | | | | | | | |
| 14. | Bagi semua kerja kawalan cerun, Jurutera Perunding hendaklah mengemukakan pelan butiran yang lengkap. | | | | | | | | | | | | |

| BIL | PERKARA |
|-----|---|
| 17. | Sempadan- sempadan lot hendaklah digariskan dengan warna mengikut Garispanduan MPK. |
| 18. | Pelan lokasi termasuk 'landmark' iaitu nombor rumah atau bangunan yang berdekatan yang jelas menunjukkan kawasan pembangunan cadangan hendaklah dinyatakan. |
| 19. | Kerja tanah tidak dibenarkan dalam kawasan simpanan tanah bukit. Sempadan tanah bukit hendaklah ditunjukkan di dalam muka keratan lintang. |
| | Jalan |
| 1. | Pembinaan jalan yang bersambung dengan Jalan Persekutuan, Jalan Negeri dan Lebuhraya hendaklah diselaraskan dengan pelan kelulusan persimpangan jalan keluar masuk yang telah diluluskan oleh JKR. |
| 2. | Cadangan jalan hendaklah diselaraskan dengan jalan sediaada supaya penyambungan jalan teratur dan diwarnakan dengan jelas. |
| 3. | Jalan hendaklah diselaraskan sepertimana Pelan Kebenaran Merancang. |
| 4. | Jalan masuk hendaklah dibina dari jalan utama dan didalam rizab jalan yang sah selaras dengan pelan dari Pejabat Daerah & Tanah serta JUPEM. |
| 5. | Menaiktaraf dan membarumuka jalan disepanjang 100 meter kiri dan kanan dari sempadan lot pemohon serta menurap sepenuhnya lengkap dengan perabot jalan, keperluan infrastruktur dan lampu jalan. |
| 6. | Jalan hendaklah dibina dari longkang ke longkang. |
| 7. | Pembinaan landas (ramp), laluan 'drive way' hendaklah berasa didalam lot dan tidak boleh melebihi rizab jalan. |
| 8. | Saliran kepada jalan (carriageway) hendaklah disediakan. |
| 9. | Mengemukakan rekabentuk dan pelan butiran bagi pembinaan jambatan beserta kedudukannya hendaklah ditunjukkan dalam pelan, jika berkenaan. |
| 10. | Pelan keratan rentas kesemua cadangan jalan dan parit serta butiran yang relevan hendaklah ditunjukkan merangkumi lot pemohon dan lot yang bersempadan. |
| 11. | Kecerunan maksima bagi jalan hendaklah 10% untuk jarak maksima 90m atau spesifikasi MPK. |
| 12. | Persimpangan jalan hendaklah direka untuk penyediaan medium level length (<5%) daripada 30' dari hujung jalan. |
| 13. | Pagar di pertengahan jalan hendaklah 1.6m tingii atau spesifikasi PBT. |
| 14. | Jalan yang dicadangkan hendaklah diparaskan dengan yang sediaada di kedua-dua hujung. |
| | Perparitan |
| 1. | Hendaklah mengemukakan butiran terperinci dengan jelas bagi aliran buangan akhir sehingga ke titik buangan akhir yang melibatkan aliran atau sungai sediaada selaras dengan pelan dari Jabatan Pengairan dan Saliran. |
| 2. | Melampirkan pelan 'Google Earth' bagi cadangan longkang sehingga ke titik buangan akhir. |
| 3. | Nyatakan dengan jelas saiz dan arah tuju pengaliran kesemua parit-parit sediaada disekitar yang terlibat dengan cadangan pemajuan. |
| 4. | Nyatakan dengan jelas kesemua aras-aras 'invert' sediaada yang relevan dalam pelan tapak dan keratan melintang (aras-aras jalan dan parit sediaada cadangan). |
| 5. | Kesemua parit-parit hendaklah dianjak ke belakang mengikut garisan ROW yang diluluskan. Garisan ROW yang diluluskan hendaklah ditunjukkan (Jalan dan lorong belakang). |
| 6. | Kesemua saluran sediaada yang terlibat dengan cadangan pemajuan hendaklah disediakan dengan parit-parit keluaran alternatif yang bersesuaian dan saiz-saiz yang mencukupi. |
| 7. | Kesemua sudut-sudut parit cadangan hendaklah dinyatakan dengan jelas. |
| 8. | Kesemua parit hendaklah disambungkan kepada yang sediaada/cadangan dengan sudut cenderung kepada arah pengaliran parit itu.Sudut tidak kurang dari 90°. |
| 9. | Saiz minimum bagi 'initial point' hendaklah 600mm lebar dan 600mm dalam. |
| 10. | Longkang hendaklah dari jenis 'top width half round glazeware drain'. |
| 11. | Longkang hendaklah dibina dari longkang ke longkang. |
| 12. | Setiap longkang yang dalamnya melebihi 1 meter hendaklah dibina dengan dinding penahan konkrit bertetulang (r.c) lengkap dengan 'r.c strut '. |
| 13. | Pembinaan longkang yang melebihi kedalaman 1.5 meter hendaklah menggunakan jenis 'cast in-situ ', rekabentuk hendaklah disahkan oleh Jurutera Perunding. |

| BIL | PERKARA |
|-----|---|
| 14. | Longkang yang melebihi kedalaman 1.2 meter hendaklah ditutup dengan 'pre cast' / cast in-situ slab over drain' atau dipasang dengan 'railing' dari jenis 'hot dipped galvanized iron' mengikut pelan yang diluluskan oleh MPK bagi tujuan keselamatan awam. |
| 15. | Semua pembedong hendaklah menggunakan 'box culvert ' dengan ukuran minima 900mm x 900mm. Penutup longkang untuk lubang pemeriksaan/penyelenggaraan hendaklah dari jenis 'heavy duty precast concrete slab'. |
| 16. | 'Sump' hendaklah dibina disetiap persimpangan longkang didalam system perparitan bagi kawasan pembangunan. |
| 17. | Penutup longkang hendaklah menggunakan 'double reinforced gating' yang disahkan oleh Jurutera Perunding serta dikemaskan dengan 'heavy duty homogeneous tiles' bagi bangunan komersil dan perumahan. |
| 18. | Apabila bersempadan dengan padang awam / kawasan lapang, pemaju hendaklah mengadakan 'cast in-situ slab over drain' lengkap dengan 'railing' sebagai laluan ke padang awam / kawasan lapang. |
| 19. | Aliran akhir hendaklah dipastikan disalurkan ke titik buangan yang sah dan kebenaran rasmi pemilik tanah hendaklah diperolehi dan dikemukakan. |
| 20. | Keratan lintang yang relevant dengan invert dan aras-aras tanah hendaklah disediakan dan dinyatakan. |
| 21. | Tunjukkan dengan jelas rezab parit di atas pelan tapak dan keratan. Sempadan lot hendaklah ditunjukkan dengan jelas. |